

**TAHAP PERSEDIAAN PERSARAAN DI KALANGAN BAKAL  
PESARA WANITA: KAJIAN DI DUA JABATAN KERAJAAN  
NEGERI SARAWAK**

**MOHAMAD AZIZI BIN ANDING**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian  
(Kaunseling)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2006

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : TAHAP PERSEDIAAN PERSARAAN DI KALANGAN BAKAL PESARA WANITA:  
KAJIAN DI DUA JABATAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK

SESI PENGAJIAN: 2003/2007

Saya MOHAMAD AZIZI BIN ANDING

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,  
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*\* sila tandakan ( √ )

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENULIS)

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:  
NO.250 KAMPUNG LINTANG,  
PTERA JAYA, 93050,  
KUCHING,  
SARAWAK.

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Projek bertajuk Tahap Persediaan Persaraan Di Kalangan Bakal Pesara Wanita: Kajian Di Dua Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak, telah disediakan oleh Mohamad Azizi Bin Anding dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Kaunseling).

Diterima untuk diperiksa oleh:

-----  
Prof. Madya Zuraidah Binti Abdul Rahman

Tarikh:

-----

## **PENGHARGAAN / ACKNOWLEDGEMENT**

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, dan setinggi-tinggi penghargaan terutama kepada penyelia projek iaitu, Prof. Madya Zuraidah Binti Abd Rahman di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan padu serta perhatian beliau dalam membantu saya untuk menyiapkan projek tahun akhir ini.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak organisasi yang terlibat iaitu Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara kerana memberikan kebenaran dan kerjasama yang baik dalam menyempurnakan projek tahun akhir ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Encik Abdul Jamal Bin Nordin, iaitu Pegawai Tadbir di Jabatan Pendaftaran Negara Kuching, di atas kerjasama yang diberikan. Selain itu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Sunaini Bin Samat, selaku Pembantu Pendaftaran Kanan di Jabatan Pendaftaran Negara Kuching, di atas komitmen dan bantuan yang telah diberikan. Selain itu, ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan Encik Poniman Bin Bejok, selaku Pengarah Sektor Pengurusan Perkhidmatan Pendidikan, di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

Di samping itu, ucapan penghargaan ini juga ditujukan khas kepada keluarga saya terutama sekali kepada ibubapa, iaitu Anding Bin Budin dan ibu saya, Rohana Binti Latip, di atas segala jasa dan pengorbanan mereka tanpa jemu, tidak mengenal penat lelah dalam membantu dan memberi sepenuh sokongan dan perhatian sepanjang saya menjalankan kajian. Tidak lupa juga kepada adik-beradik saya, Rosemina Binti Anding, Rhody Binti Anding dan Ratna Binti Anding, yang tidak ketinggalan dalam memberikan sokongan moral kepada saya untuk menjayakan kajian ini dengan sempurna.

Akhir sekali, ucapan setinggi-tinggi terima kasih ini juga diucapkan kepada rakan-rakan dan individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sama ada dalam memberikan idea, kritikan, pandangan, sokongan dan bantuan atau pertolongan kepada saya sepanjang proses menyiapkan projek tahun akhir ini. Sekian, terima kasih. Wasalamualaikum.

## JADUAL KANDUNGAN / TABLES OF CONTENTS

<b>Penghargaan / Acknowledgement</b>	<b>iii</b>
<b>Jadual Kandungan / Table of Contents</b>	<b>iv</b>
<b>Senarai Rajah / List of Figures</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Jadual / List of Tables</b>	<b>viii</b>
<b>Abstrak</b>	<b>xi</b>
<b>Abstract</b>	<b>xii</b>
<b>Bab 1 Pengenalan</b>	<b>1</b>
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Kenyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.4.1 Objektif umum	4
1.4.2 Objektif khusus	4
1.5 Kerangka Kerja Konseptual	6
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Definisi Konsep	9
1.9 Limitasi Kajian	12
1.10 Kesimpulan	14
<b>Bab 2 Kajian Penulisan Lepas</b>	<b>15</b>
2.0 Pendahuluan	15
2.1 Persaraan	16
2.2 Proses Persaraan	23
2.3 Jenis-jenis Persaraan	25
2.4 Pendekatan Teori	33
2.5 Kajian-kajian Lepas	48
2.5.1 Kaitan Persediaan Persaraan Dari Segi Kewangan	48
2.5.2 Kaitan Persediaan Persaraan Dari Segi Kesihatan	59
2.5.3 Kaitan Persediaan Persaraan Dari Segi Kerjaya	
Selepas Bersara	64
2.6 Kesimpulan	68

<b>Bab 3 Metodologi</b>	<b>69</b>
3.0 Pendahuluan	69
3.1 Lokasi Kajian	70
3.2 Reka Bentuk Kajian	70
3.3 Populasi Dan Sampel	71
3.4 Pengumpulan Data	73
3.5 Instrumentasi Kajian	74
3.6 Penganalisaan Data	75
3.7 Kaedah Analisa Data	76
3.8 Kesimpulan	77
<b>Bab 4 Dapatan Dan Perbincangan</b>	<b>78</b>
4.0 Pendahuluan	78
4.1 Analisis Taburan Demografi	79
4.1.1 Etnik	80
4.1.2 Tahap Pendidikan	80
4.1.3 Jawatan	81
4.1.4 Pendapatan Bulanan	81
4.1.5 Taburan Tahap Persediaan Persaraan Responden Mengikut Item Kewangan	82
4.1.6 Taburan Tahap Persediaan Persaraan Responden Mengikut Item Kesihatan	86
4.1.7 Taburan Tahap Persediaan Persaraan Responden Mengikut Item Kerjaya Selepas Bersara	89
4.2 Dapatan Kajian (Berdasarkan Pengujian Hipotesis Nul)	92
4.2.1 Hipotesis Nul Pertama	92
4.2.2 Hipotesis Nul Kedua	93
4.2.3 Hipotesis Nul Ketiga	94
4.2.4 Hipotesis Nul Keempat	95
4.2.5 Hipotesis Nul Kelima	96
4.2.6 Hipotesis Nul Keenam	98
4.2.7 Hipotesis Nul Ketujuh	99
4.2.8 Hipotesis Nul Kelapan	100
4.2.9 Hipotesis Nul Kesembilan	101
4.2.10 Hipotesis Nul Kesepuluh	102
4.2.11 Hipotesis Nul Kesebelas	104
4.2.12 Hipotesis Nul Kedua belas	105
4.3 Ringkasan Hipotesis Yang Diterima	106
4.4 Ringkasan Hipotesis Yang Ditolak	107
4.5 Kesimpulan	107

<b>Bab 5 Rumusan Dan Cadangan</b>	<b>108</b>
5.1 Pendahuluan	108
5.2 Ringkasan Kajian	109
5.3 Rumusan Kajian	110
5.4 Cadangan Kajian	112
5.4.1 Cadangan kepada organisasi	112
5.4.2 Cadangan kepada pengkaji akan datang	113
5.5 Kesimpulan	114
<b>Rujukan</b>	<b>116</b>
<b>Lampiran</b>	<b>121</b>

## SENARAI RAJAH / LIST OF FIGURES

<b>Rajah 1</b> Kerangka Kerja Konsepsual	<b>6</b>
<b>Rajah 2</b> Model Perkembangan Lelaki Dewasa Levinson	<b>33</b>
<b>Rajah 3</b> Peringkat dan Sub-peringkat Hidup Berdasarkan Teori Perkembangan Kerjaya Super	<b>37</b>
<b>Rajah 4</b> Hirarki Keperluan Maslow	<b>44</b>



## SENARAI JADUAL / LIST OF TABLES

<b>Jadual 1</b> Teori Perkembangan Kerjaya Super	<b>38</b>
<b>Jadual 2</b> Kaedah Analisis Data Yang Digunakan Untuk Menentukan Jawapan Bagi Soalan Kajian	<b>76</b>
<b>Jadual 3</b> Taburan Responden Mengikut Agensi Dan Jumlah Borang Soal Selidik Yang Diedarkan	<b>79</b>
<b>Jadual 4</b> Taburan Responden Mengikut Etnik	<b>80</b>
<b>Jadual 5</b> Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	<b>80</b>
<b>Jadual 6</b> Taburan Responden Mengikut Jawatan	<b>81</b>
<b>Jadual 7</b> Taburan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan	<b>81</b>
<b>Jadual 8</b> Taburan Persediaan Persaraan Responden Mengikut Item Kewangan	<b>82</b>
<b>Jadual 9</b> Taburan Persediaan Persaraan Responden Mengikut Item Kesihatan	<b>86</b>
<b>Jadual 10</b> Taburan Persediaan Persaraan Responden Mengikut Item Kerjaya Selepas Bersara	<b>89</b>
<b>Jadual 11</b> Analisis ANOVA Sehala: Perbezaan Antara Faktor Demografi Etnik Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kewangan	<b>92</b>

<b>Jadual 12</b>	<b>93</b>
Analisis ANOVA Sehala: Perbezaan Antara Faktor Demografi Etnik Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kesihatan	
<b>Jadual 13</b>	<b>94</b>
Analisis ANOVA Sehala: Perbezaan Antara Faktor Demografi Etnik Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kerjaya Selepas Bersara	
<b>Jadual 14</b>	<b>95</b>
Analisis ANOVA Sehala: Perbezaan Antara Faktor Demografi Tahap Pendidikan Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kewangan	
<b>Jadual 15</b>	<b>96</b>
Analisis ANOVA Sehala: Perbezaan Antara Faktor Demografi Tahap Pendidikan Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kesihatan	
<b>Jadual 16</b>	<b>98</b>
Analisis ANOVA Sehala: Perbezaan Antara Faktor Demografi Tahap Pendidikan Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kerjaya Selepas Bersara	
<b>Jadual 17</b>	<b>99</b>
Analisis Korelasi Pearson: Perkaitan Antara Faktor Demografi Jawatan Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kewangan	
<b>Jadual 18</b>	<b>100</b>
Analisis Korelasi Pearson: Perkaitan Antara Faktor Demografi Jawatan Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kesihatan	
<b>Jadual 19</b>	<b>101</b>
Analisis Korelasi Pearson: Perkaitan Antara Faktor Demografi Jawatan Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kerjaya Selepas Bersara	
<b>Jadual 20</b>	<b>102</b>
Analisis Korelasi Pearson: Perkaitan Antara Faktor Demografi Pendapatan Bulanan Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kewangan	

<b>Jadual 21</b> Analisis Korelasi Pearson: Perkaitan Antara Faktor Demografi Pendapatan Bulanan Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kesihatan	<b>104</b>
<b>Jadual 22</b> Analisis Korelasi Pearson: Perkaitan Antara Faktor Demografi Pendapatan Bulanan Dengan Tahap Persediaan Persaraan Berdasarkan Aspek Kerjaya Selepas Bersara	<b>105</b>
<b>Jadual 23</b> Ringkasan Hipotesis Yang Diterima	<b>106</b>
<b>Jadual 24</b> Ringkasan Hipotesis Yang Ditolak	<b>107</b>

## **ABSTRAK**

### **TAHAP PERSEDIAAN PERSARAAN DI KALANGAN BAKAL PESARA WANITA: KAJIAN DI DUA JABATAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

Mohamad Azizi Bin Anding

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap persediaan persaraan di kalangan bakal pesara wanita yang terdapat di dua buah agensi kerajaan iaitu di Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, Jalan Simpang Tiga, Kuching, Sarawak. Kajian ini menggunakan kaedah survei dengan borang soal selidik yang mengandungi tiga aspek iaitu kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara. Dalam kajian ini juga, sebanyak 54 orang responden wanita yang berumur 45 tahun dan ke atas telah dijadikan responden Kajian ini juga mengenal pasti perkaitan dan perbezaan faktor demografi seperti etnik, pendapatan bulanan, tahap pendidikan dan jawatan dengan ketiga-tiga aspek di atas. Untuk mengkaji perkaitan dan perbezaan tersebut, maka analisis Korelasi Pearson dan ANOVA Sehalu telah digunakan. Umumnya, analisis ANOVA Sehalu digunakan untuk mengenal pasti perbezaan antara faktor demografi etnik dan tahap pendidikan dengan ketiga-tiga aspek iaitu kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara. Manakala analisis Korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti perkaitan antara faktor demografi jawatan dan pendapatan bulanan dengan ketiga-tiga aspek iaitu kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara. Dalam kajian ini, sebanyak dua belas hipotesis telah diuji dan sepuluh hipotesis telah diterima. Antara hasil dapatan dalam kajian ini ialah tiada perkaitan yang signifikan antara faktor demografi etnik dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor demografi tahap pendidikan dengan tahap persediaan berdasarkan aspek kerjaya selepas bersara.

## **ABSTRACT**

### **LEVEL OF PREPARATION FOR RETIREMENT AMONG FUTURE WOMEN RETIREES : A STUDY AT TWO GOVERNMENT AGENCIES IN SARAWAK**

*Mohamad Azizi Bin Anding*

*The purpose of this study is to investigate the level of preparation for retirement among future women retirees at two government agencies; Jabatan Pendaftaran Negara and Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, Jalan Simpang Tiga, Kuching, Sarawak. This study used questionnaire to collect data. In this study, 54 women at the age of 45 and above were selected in these two agencies as respondents. They responded to the questionnaires in three aspects that is, financial, health and new career after retirement. This study also investigates the correlation and difference between demographic factors such as ethnic, monthly income, level of education and position with the three aspects above. Pearson Correlation and One Way ANOVA were used. Generally, One Way ANOVA analysis used to investigate the difference between demographic factors such as ethnic and level of education with the three aspects (financial, health and new career after retirement). Pearson Correlation was used to investigate the correlation between demographic factors such as position and monthly income with the three aspects above. Twelve hypotheses were tested and ten hypotheses were accepted. Among the findings of this research are that there is no significance correlation between ethnic demographic factor with the level of preparation for retirement based on financial, health and new career after retirement. Besides that, this study also indicates that there is significance difference between education levels of demographic factor with the level of preparation for retirement based on new career after retirement aspect.*

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Bab ini akan membicarakan tentang pendahuluan kajian yang dijalankan oleh penyelidik, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kerangka kerja konseptual, hipotesis kajian, kepentingan kajian, definisi konsep dan limitasi kajian. Semua aspek ini akan dibincangkan dalam bab ini dengan lebih mendalam.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Persaraan merupakan satu keadaan di mana seseorang telah berhenti berkhidmat atau bekerja dalam pekerjaannya. Ini bermakna semua aktiviti yang dijalankan semasa bekerja akan berhenti sekiranya individu bersara.

Menurut Stanford dan Usita (2002), wanita dikatakan antara golongan yang berisiko untuk menghadapi hari tua jika dibandingkan dengan golongan lelaki. Oleh itu persediaan persaraan di kalangan pekerja wanita adalah amat penting untuk mengurangkan risiko tersebut.

Jessica (2001) telah menjalankan kajian terhadap 32 orang guru yang memohon persaraan awal di Jabatan Pendidikan Sarawak. Hasil kajian mendapati bahawa faktor pampasan dan faedah dalam sistem ganjaran yang tinggi menyebabkan persaraan awal berlaku.

Menurut Santrock (2004), satu kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa pesara wanita dikatakan golongan yang bermasalah apabila bersara kerana dihipit kemiskinan. Namun, ada di kalangan wanita yang mengambil inisiatif untuk bersara dengan lebih awal kerana persediaan mereka untuk bersara sudah mencukupi. Menurut Bond, 1980, Glass dan Grant, 1983 (dlm. Gall & Evans, 2000), kebanyakan bakal pesara tidak pasti tentang kehidupan persaraan mereka, terutamanya apabila mereka hanya mempunyai sedikit pengetahuan mengenai kehidupan sebagai pesara seperti bentuk aktiviti masa lapang. Perry, 1980 (dlm. Gall & Evans, 2000) menyatakan bahawa bakal pesara akan memikirkan atau

menganggarkan masalah yang timbul seperti masalah kesihatan, tetapi bukannya kebaikan atau kelebihan persaraan itu sendiri.

## **1.2 Kenyataan Masalah**

Persediaan persaraan adalah amat penting untuk memastikan bahawa kehidupan mereka selepas bersara adalah terjamin.

Di Malaysia, bakal pesara sama ada lelaki atau wanita boleh memohon bersara pada umur 55 tahun dan wajib bersara apabila mencapai umur 56 tahun seperti yang termaktub dalam persaraan jenis wajib. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui tahap persediaan persaraan di kalangan bakal pesara wanita dalam aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara. Menurut Kregie, 1981 (dlm. Noran Fauziah Yaakub & Wan Rafaei Abd Rahman, 1994), perancangan dan persediaan semasa prapersaraan adalah peringkat yang paling penting untuk kejayaan semasa peralihan dari alam pekerjaan kepada alam persaraan. Menurut Gall dan Evans (2000), kajian yang dibuat menunjukkan bahawa kepuasan sebenar dalam kehidupan seorang pesara wujud apabila individu tersebut mengikuti program persaraan sebelum bersara. Keadaan ini membuktikan bahawa persediaan persaraan adalah penting sebelum individu melangkah ke alam persaraan.



### **1.3 Persoalan Kajian**

1. Adakah faktor demografi etnik mempengaruhi tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya baru selepas bersara?
2. Adakah faktor demografi tahap pendidikan mempengaruhi tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya baru selepas bersara?
3. Adakah faktor demografi jawatan mempengaruhi tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya baru selepas bersara?
4. Adakah faktor demografi pendapatan bulanan mempengaruhi tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya baru selepas bersara?

### **1.4 Objektif Kajian**

#### **1.4.1 Objektif umum**

Mengenal pasti tahap persediaan persaraan di kalangan bakal pesara wanita di dua agensi kerajaan.


#### **1.4.2 Objektif khusus**

1. Mengenal pasti perkaitan antara faktor demografi etnik dengan tahap persediaan dari aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara

2. Mengenal pasti perkaitan antara faktor demografi tahap pendidikan dengan persediaan dari aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara
3. Mengenal pasti perkaitan antara faktor demografi jawatan dengan persediaan sari aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara.
4. Mengenal pasti perkaitan antara faktor demografi pendapatan bulanan dengan persediaan dari aspek kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara

## 1.5 Kerangka Kerja Konseptual

Gambarajah 1: Kerangka Kerja Konseptual



## **1.6 Hipotesis Kajian**

Ho1: Tiada perbezaan yang signifikan antara faktor demografi etnik dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kewangan.

Ho2: Tiada perbezaan yang signifikan antara faktor demografi etnik dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kesihatan

Ho3: Tiada perbezaan yang signifikan antara faktor demografi etnik dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kerjaya selepas bersara

Ho4: Tiada perbezaan yang signifikan antara faktor demografi tahap pendidikan dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kewangan

Ho5: Tiada perbezaan yang signifikan antara faktor demografi tahap pendidikan dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kesihatan

Ho6: Tiada perbezaan yang signifikan antara faktor demografi tahap pendidikan dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kerjaya selepas bersara

Ho7: Tiada perkaitan yang signifikan antara faktor demografi jawatan dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kewangan

Ho8: Tiada perkaitan yang signifikan antara faktor demografi jawatan dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kesihatan

Ho9: Tiada perkaitan yang signifikan antara faktor demografi jawatan dengan tahap persediaan persaraan berdasarkan aspek kerjaya selepas bersara

Ho10: Tiada perkaitan yang signifikan antara faktor demografi pendapatan bulanan dengan tahap persediaan berdasarkan aspek kewangan

Ho11: Tiada perkaitan yang signifikan antara faktor demografi pendapatan bulanan dengan tahap persediaan berdasarkan aspek kesihatan

Ho12: Tiada perkaitan yang signifikan antara faktor demografi pendapatan bulanan dengan tahap persediaan berdasarkan aspek kerjaya selepas bersara

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji dapat menunjukkan bahawa pentingnya persediaan persaraan di kalangan bakal pesara wanita. Justeru, ia boleh dijadikan panduan kepada organisasi untuk membuat program persediaan persaraan terhadap bakal pesara wanita mengikut keperluan mereka. Ini termasuklah menyediakan kursus atau latihan untuk kemahiran baru kepada bakal pesara supaya mereka dapat mencari pekerjaan lain yang lebih sesuai.

Pada masa yang sama, bakal pesara wanita akan dapat merancang kehidupan mereka selepas bersara dengan jayanya terutamanya dari segi kewangan, kesihatan dan kerjaya selepas bersara.

Di samping itu, kajian ini juga dapat mengenal pasti tahap persediaan bakal pesara wanita sebelum mereka melangkah ke alam persaraan. Secara tidak langsung, kesedaran tentang kepentingan untuk merancang persediaan persaraan juga dapat dipupuk.

Pada masa yang sama, pihak organisasi juga dapat menyediakan perkhidmatan penempatan kerjaya baru apabila bersara. Perkhidmatan ini amat

penting kepada pesara di organisasi ini supaya mereka dapat bekerja semula dalam kerjaya lain yang bersesuaian dengan pengetahuan, pengalaman, minat dan kebolehan mereka.

## **1.8 Definisi Konsep**

### **1.8.1 Persaraan**

Konsepsual:

Menurut Atchley, 1997 (dlm. Noran Fauziah Yaakub & Wan Rafaei Abd Rahman, 1994), persaraan adalah satu situasi apabila seseorang individu atau pekerja dibenarkan atau dipaksa untuk meninggalkan kerjaya hidupnya dan layak menerima wang pencen.

Operasional:

Pekerja wanita yang berumur 45 tahun dan ke atas yang boleh memilih untuk bersara di agensi kerajaan yang terpilih.

### **1.8.2 Kewangan**

Konsepsual:

Menurut Kamus Besar, Bahasa Melayu Utusan, 1995 (dlm. Edris Aden, 2003), kewangan bermaksud tikal, ringgit, rupiah, duit, alat penukaran yang mempunyai harga, nilai yang tertentu yang diakui sah, alat pembayaran yang sah, fulus, pitis.

Operasional:

Tahap persediaan persaraan dari segi kewangan bakal pesara wanita di agensi kerajaan yang terpilih.

### **1.8.3 Kesihatan**

Konsepsual:

Menurut Mondy, Noe dan Premeaux (2002), kesihatan merujuk kepada kebebasan pekerja-pekerja daripada penyakit-penyakit emosi dan fizikal.

Operasional:

Tahap persediaan persaraan dari segi kesihatan bakal pesara wanita di agensi kerajaan yang dikaji.

### **1.8.4 Kerjaya**

Konsepsual:

Super, 1957 (dlm. Sidek Mohd Noah, 2002) menjelaskan bahawa kerjaya termasuklah persediaan sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam dunia pekerjaan dan peranan lain yang dilakukan selepas bersara.

Operasional:

Tahap persediaan persaraan dari segi keupayaan mendapat kerjaya baru selepas bersara di kalangan bakal pesara wanita di agensi kerajaan yang dikaji.

### **1.8.5 Jawatan**

Konsepsual:

Menurut Mondy, Noe dan Premeaux (2002), jawatan merujuk kepada tugas dan tanggungjawab yang ditanggung oleh individu; iaitu kedudukan seseorang dalam sesebuah organisasi.

Operasional:

Jawatan yang disandang oleh bakal pesara wanita di agensi kerajaan yang terpilih. Jawatan telah dikategorikan kepada tiga iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Kategori jawatan ini diperolehi daripada Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.

### **1.8.6 Pendapatan**

Konsepsual:

Menurut Muhammad Ali Embi (2001), pendapatan merujuk kepada bayaran yang dikenakan oleh pekerja setelah mereka melaksanakan kerja. Ia merupakan bayaran kos ke atas buruh yang paling utama dalam sesebuah organisasi.

Operasional:

Upah bulanan yang diterima oleh bakal pesara wanita di agensi kerajaan yang terpilih.